

TAJUK : Selesai tunggakan yuran pelajar UniSHAMS  
AKHBAR : Zakat Kedah Press  
TARIKH : 24 April 2018  
URL : <http://zakatkedah.com.my/press/?p=2799>

---

# SELESAI TUNGGAKAN YURAN PELAJAR UNISHAMS

April 24, 2018 By [Syed Taqiyuddin JABATAN AGIHAN](#), [Jabatan Pembangunan Asnaf](#), [PEJABAT CEO](#)

KUALA KETIL, 25 APRIL 2018 – Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah telah mengadakan satu Majlis Penyerahan Bantuan Yuran kepada Pelajar Program Perubatan UniSHAMS bertempat di Dewan Senat Unishams, Kuala Ketil Kedah.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif (LZNK) Syeikh Zakaria Othman telah menyerahkan cek bantuan yuran tersebut kepada 20 orang pelajar perubatan yang menerimanya dengan Jumlah keseluruhan bantuan sebanyak **RM1,054,574.00** sambil disaksikan oleh Rektor Unishams, Prof. Dato' Dr. Fakhruddin Abdul Mukti.

Dalam pada itu, Syeikh Zakaria berkata, beliau berharap, dengan bantuan yang disalurkan ini dapat meringankan beban pelajar dari segi kos yuran dan perbelanjaan harian serta memberi manfaat kelak kepada masyarakat setelah mereka bekerja nanti.

Menurutnya lagi, bantuan ini adalah satu platform kerjasama strategik yang berfokus, jangka masa panjang untuk tujuan pembangunan pendidikan anak-anak Kedah dalam kategori Asnaf Fi Sabilillah.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut, wakil pengurusan tertinggi UniSHAMS serta kakitangan zakat kedah.





-Zakat Kedah-  
-350 Tahun Seruan berzakat-

**“TEMUI ASNAF, HUBUNGI ZAKAT KEDAH DI TALIAN”**

---